



## Mahasiswa UMP erat hubungan bersama masyarakat Pulau Tioman

Seramai 30 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada Exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab Semampian serta kumpulan penari kebudayaan UMP, Kencana Pawana berpeluang bertemu dengan masyarakat dan komuniti di Kampung Tekek, Pulau Tioman pada 27 April 2014 yang lalu.

Program Kembara Radio Pahang FM bersama UMP mendapat kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia negeri Pahang dan Perbadanan Kemajuan Tioman serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Tekek.

Ketibaan rombongan Kembara Pahang FM bersama UMP disambut Penghulu, Mohd. Nor Hidon dan Tok Empat Kg. Tekek, Zulkarnaini A. Hamid dengan meriah serta diiringi paluan

kompong oleh beliawanis Kampung Tekek. Hadir sama ibu dan ayah angkat bersama-sama dengan keluarga masing-masing.

Program bermula dengan Majlis Penyerahan Anak Angkat melibatkan 12 buah keluarga angkat dan pada sebelah malamnya pula, aktiviti diteruskan dengan forum agama yang berlangsung di Dataran Tioman.

Menurut Pengarah Program, Mohamad Amirul Anuar, pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), pihaknya turut mengadakan Kem Motivasi Pelajar untuk pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSAR), Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melibatkan seramai 78 orang pelajar sekolah.

"Mahasiswa UMP turut melakukan aktiviti mencerikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tekek dengan melukis mural di dinding sekolah bagi mewujudkan suasana ceria di sekolah serta dapat memberi semangat pada pelajar untuk belajar dengan lebih tekun," katanya.

Menurut Tok Empat Kampung Tekek, Zulkarnaini, pihaknya amat berbesar hati atas kunjungan UMP untuk bertemu dengan masyarakat di Pulau Tioman ini serta memberikan suntikan semangat untuk anak-anak di kampung ini. Pihaknya bercadang untuk mengadakan program bersama melibatkan kerjasama bersama pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk membawa pelajar ini melawat UMP bagi menikmati kehidupan kampus sebenar pada masa akan datang.

Sementara itu, salah seorang keluarga angkat yang terlibat, Sakdiah Muhammad, 52 berkata, program ini amat bermakna sekali apabila beliau berbesar hati menerima lima orang mahasiswa UMP untuk tinggal bersama-sama keluarganya.

"Sungguhpun aktiviti mereka sangat padat, namun mahasiswa ini sangat ringan tulang dan berpeluang membantu menjalankan aktiviti harian di kampung," ujarnya yang mengusahakan kedai makan di

Pulau Tioman ini.

Bagi Nur Salwa Syahirah Magista, 17 berpendapat beliau lebih mengenali UMP dengan lebih dekat dan berpeluang mengetahui teknik pembelajaran hasil perkongsian pengalaman dengan mahasiswa universiti di samping mengetahui mengenai kehidupan kampus. Beliau yang berhasrat melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi mementeri bidang kejuruteraan elektrik.

Pelbagai program menarik diadakan antaranya pertandingan terbuka larian pantai, sukaneka rakyat, pertandingan memasak, kem motivasi, pertandingan mewarna dan pelbagai aktiviti lagi dalam mempromosikan UMP kepada masyarakat luar. Program diakhiri dengan kenduri rakyat serta penyampaian hadiah bagi pemenang bagi acara yang dipertandingkan.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Shahaniza Haji Shamsuddin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita & Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang bertempat di Dataran Tioman.

